

Keengganan PBS berdebat untuk sembunyi kelemahan

U.M. - 1 DEC 1992

SUBANG 30 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan keengganan Parti Bersatu Sabah (PBS) berdebat mengenai isu Perkara 20 sebagai satu cubaan untuk menyembunyikan kelemahan parti itu.

Perdana Menteri berkata, keengganan mereka berdebat dan sebaliknya ingin mengadakan forum sahaja boleh menyebabkan rakyat tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku.

"Jika mengadakan forum,

rakyat tidak tahu apa yang berlaku... mereka nak cuba sembunyikan kelemahan mereka," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Subang, di sini, hari ini sekembalinya dari lawatan ke Namibia, Tunisia dan menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G15) di Dakar, Senegal.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keengganan Kerajaan Sabah pimpinan Datuk Joseph

Pairin mengadakan debat mengenai perkara tersebut sebagaimana yang diminta oleh UMNO sebaliknya mahu mengadakan perbincangan melalui forum sahaja.

Dr. Mahathir menegaskan debat tersebut adalah penting untuk rakyat mengetahui apakah sebenarnya Perkara 20 itu kerana pemimpin-pemimpin PBS menyebarkan bermacam-macam cerita mengenai perkara tersebut.

"Jika di kampung-kampung

mereka menceritakan bermacam-macam mengenai perkara 20, maka sudah sepatutnya semua orang tahu apakah sebenarnya perkara tersebut," ujarnya.

Mengenai gesaan Pairin supaya isu tersebut diselesaikan antara kerajaan dengan kerajaan dan bukannya antara parti politik, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak ada kaitan dalam soal ini.

"Dia (Pairin) pun cakap dafi segi parti, kerajaan tidak ada

apa-apa... kita kena tengok undang-undang... dari segi demokratik, ia tidak demokratik. Kita kena kaji semua sama ada ia berdasarkan perlembagaan," katanya.

Diminta mengulas tindakan Dewan Undangan Negeri Sabah baru-baru ini meluluskan satu rang undang-undang bagi memperkuatkan undang-undang anti lompat parti, beliau berkata, undang-undang itu hanya untuk menentukan ahli-ahli PBS tidak menukar parti.